

Premis perniagaan ingkar SOP diberi nasihat, amaran

Kuala Lumpur: Sebanyak 145 premis perniagaan diberi nasihat, manakala sembilan premis lagi diberi amaran kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang ditetapkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan 2,005 pemeriksaan khas pematuhan SOP

“Pemeriksaan KPDNHEP mendapati 1,851 premis mematuhi SOP ditetapkan,” katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga membuat pemantauan pada peringkat pengeluaran makanan dan memberi jaminan bekalan barangan keperluan mencukupi. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan sepanjang musim perayaan kerana ia dijamin mencukupi,” katanya.

Sementara itu, Pasar Jalan Othman di Petaling Jalan yang ditutup susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), dibuka semula kepada orang ramai bermula hari ini.

Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ), dalam kenyataan se-

malam, memaklumkan pembukaan semula pasar itu membolehkan aktiviti perniagaan beroperasi semula selepas ia diarahkan tutup sejak 10 Mei lalu berikutan terdapat kes positif COVID-19 di kawasan terbabit.

“Justeru, setiap peniaga perlu mematuhi arahan baharu dikeluarkan oleh kami serta syarat diperketatkan selaras pematuhan PKPB. Peniaga dan pengunjung diminta mematuhi SOP dan arahan dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta MBPJ,” katanya.

Kenyataan itu turut memaklumkan MBPJ menekankan bahawa peniaga pasar itu dilarang melantik pembantu dalam kalangan warga asing, selain perlu menjaga kebersihan premis masing-masing.

“Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dikenakan boleh menyebabkan lesen perniagaan akan ditarik balik dan tidak dibenarkan berniaga di kawasan berkenaan. Pengunjung juga diwajibkan memakai pelitup hidung dan mulut, menggunakan cecair pembasmi kuman, menjaga penjarakan sosial serta menggunakan imbasan kod QR sistem ‘Selangkah’ sebelum memasuki pasar,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kawasan di Pasar Jalan Othman dikenakan PKPD sejak 10 Mei lalu selepas terdapat 26 kes positif COVID-19 di kawasan berkenaan yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKPD di kawasan terbabit ditamatkan pada 21 Mei lalu.